

12/05/2001

Politik wang perlu terus dibersihkan

PENYAKIT politik wang dalam Umno sudah beberapa kali menjadi tema yang dibangkitkan oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam Perhimpunan Agung Umno pada masa lalu.

Presiden Umno selalu mengingatkan pemimpin dan ahli-ahli Umno bahawa sekiranya penyakit politik wang tidak diubati, maka ia akan membawa padah yang berat kepada masa depan parti itu.

Bahkan, beliau mengingatkan sekiranya pemimpin-pemimpin Umno memilih orang yang korup, tidak mustahil pemimpin berkenaan pada suatu masa akan menggadaikan negara ini kepada orang lain.

Malangnya, amaran itu tidak memberi kesan seperti yang diingini Dr Mahathir. Politik wang seolah-olah menjadi darah daging dalam parti dan hanya tindakan tegas dan keras boleh mengubatinya.

Bagaimanapun, kali ini, ternyata Dr Mahathir mengambil keputusan untuk bertindak tegas terhadap pemimpin yang didapati mengamalkan politik wang. Mungkin keputusan itu dibuat sebagai mengingatkan bahawa Umno kini dalam keadaan yang lebih tertekan daripada keadaannya pada masa lalu.

Sekiranya penyakit ini dibiarkan menjadi barah, tidak mustahil masa depan parti ini akan menjadi gelap.

Kini beberapa pemimpin Umno digantung daripada memegang sebarang jawatan dalam parti selama enam tahun. Seorang lagi digantung daripada bertanding untuk dua pemilihan parti pada masa depan.

Keputusan itu nampaknya tidak menimbulkan apa-apa reaksi daripada kalangan anggota Umno keseluruhannya dalam erti ia dianggap terlalu keras atau tidak adil. Dengan lain kata, tindakan itu diterima oleh anggota sebagai satu langkah yang wajar demi kepentingan masa depan parti.

Sesetengah orang yang barangkali menganggap tindakan itu tidak mungkin membersihkan parti daripada penyakit politik wang, menimbangkan bahawa penyakit itu telah berlarutan begitu lama di dalam batang tubuh parti.

Tetapi, sekurang-kurangnya Umno akhirnya memutuskan untuk membanteras penyakit berkenaan daripada menular hingga merosakkan batang tubuh parti, menjadikan ia satu pertubuhan politik yang rapuh yang tidak akan mampu menangani masalahnya pada masa depan.

Barangkali ahli-ahli Umno sendiri tentu menyedari bahawa parti itu kini menghadapi masa depan yang penuh mencabar. Tanpa sesuatu tindakan yang ditujukan untuk memberikan nafas baru kepada parti itu, tidak pasti ia dapat menghadapi lawannya dalam pilihan raya akan datang secara berkesan.

Dalam erti kata lain, salah satu syarat untuk survival Umno sendiri pada masa depan ialah membersihkan dirinya daripada gejala politik wang.

Menurut berita dalam media, tindakan membersihkan parti daripada penyakit ini diterima baik, tidak saja oleh ahli Umno, tetapi juga oleh masyarakat. Rakyat sendiri tentu menyedari bahawa pemimpin yang korup akan membawa kesan buruk kepada kehidupan mereka sendiri, negara dan masyarakat.

Setakat ini, tindakan pucuk pimpinan Umno membersihkan parti daripada gejala politik wang tidak sedikit pun menjejaskan keutuhan parti itu.

Ahli-ahli Umno tentu menyedari bahawa langkah tegas yang diambil oleh Umno untuk membersihkan dirinya daripada gejala politik wang adalah sumbangan besar bagi menyegarkan kembali parti itu dalam erti ia akan menarik calon pemimpin yang jujur untuk menyertai parti itu.

Bagaimanapun, apa yang penting ialah pembersihan seperti ini wajar dijadikan satu amalan yang berterusan oleh Umno. Umno memerlukan pengikut

yang jujur dan bersih yang menyertai parti itu kerana dorongan idealisme.

Sebuah parti yang bersih daripada korupsi adalah `katalis' atau pemangkin untuk memberikan kesegaran dan nafas baru kepada sesebuah parti. Politik wang adalah satu penyakit yang amat berbahaya. Ia boleh mematikan idealisme parti itu sendiri.

Parti yang tidak mempunyai idealisme tidak akan dapat bertahan lama. Umno memerlukan anggota dan pemimpin lapisan untuk memberikan nafas baru kepada parti itu.

Tetapi, untuk menjadi sebuah parti yang tetap relevan pada masa sekarang dan masa depan, ia harus berusaha menonjolkan dirinya sebagai sebuah parti yang masih mempunyai idealisme.

Idealisme yang murni berupaya menarik generasi muda untuk menyokong perjuangan yang serba mencabar pada masa depan. Apa parti sekalipun memerlukan generasi muda untuk menggerakkan perjuangannya.

Tetapi, usaha ini tidak mudah jika parti itu dihinggapi penyakit seperti politik wang. Umno wajar memberikan persepsi, terutama di kalangan generasi muda, bahawa ia masih digerakkan oleh idealismenya untuk memperjuangkan nasib bangsa dan negara serta agama seperti pada masa lalu.

(END)